

1

Sistem Bahasa

BAHAGIAN A Soalan 1

Latihan 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sarang burung tempua yang bergayutan di ranting pohon itu menarik perhatian kami.

- (ii) Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian cikgu hadir ke majlis perkahwinan kakak saya pada minggu lalu.

- (iii) Sejak kempen kitar semula pihak berkuasa tempatan lancarkan, tahap kebersihan di kawasan kediaman itu kian meningkat.

- (iv) "Wahai belia harapan negara, taburlah jasa pada agama, nusa dan bangsa," kata Menteri Besar semasa berucap dalam perhimpunan belia, kelmarin.

Latihan 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pihak berkuasa telah berjaya menyelesaikan beberapa kes-kes pecah rumah dan samun di kawasan perumahan itu.

- (ii) Anggota masyarakat Kampung Damai menunjukkan kerjasama yang erat dalam kempen menghapuskan denggi anjuran Jabatan Kesihatan.

- (iii) Kejohanan merentas desa sekolah kami pada tahun ini telah Tuan Pegawai Pendidikan Daerah rasmikan.

- (iv) Rakyat Malaysia sungguh bertuah kerana dapat menikmati berbagai jenis juadah pada musim perayaan.

Latihan 3

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Negara kita mempunyai pakar perubatan antara yang terbaik sekali di dunia.

- (ii) Kebanyakan pelanggan sangat berpuas hati dengan kelazatan masakan di Tuminah Restoran.

- (iii) Suasana di kawasan kampung sangat menenangkan terutamanya di waktu pagi.

- (iv) Kita sepatutnya berasa bangga pada keistimewaan yang terdapat di negara kita ini.

Latihan 4

Dalam petikan di bawah, terdapat **empat kesalahan bahasa**. Gariskan empat kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Setiap orang memerlukan masa tidur yang berbeza mengikut umur, tahap kesihatan dan aktiviti hariannya. Misalnya, golongan remaja memerlukan tidur antara enam hingga lapan jam sehari. Tidur yang paling berkualiti sekali ialah tidur pada waktu malam. Tidur amat penting bagi melancarkan proses metabolisme karbohidrat dalam badan. Melalui proses ini, badan seseorang mengeluarkan hormon pertumbuhan yang berfungsi untuk memperbaiki sel-sel yang rosak. Kajian mendapatkan bahawa tidur yang cukup mampu meningkatkan keupayaan untuk belajar dan membantu dalam memelihara daya ingatan seseorang. Selain daripada itu, proses penyimpanan maklumat di dalam otak juga berlaku semasa tidur.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

